

Autoriti dan Legitimasi dalam Pengeluaran Fatwa Semasa Pandemik COVID-19: Analisis Peranan Mufti dan Ancaman Fatwa Tidak Berautoriti

Authority and Legitimacy in Fatwa Issuance During the COVID-19 Pandemic: An Analysis of the Role of Muftis and the Threat of Unauthoritative Fatwas

Faisal Husen Ismail¹, Mohammad Amir Wan harun^{1*}, Roshimah Shamsudin¹, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Pulau Pinang, MALAYSIA

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, MALAYSIA

*Pengarang Utama: amirwan@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.01.006>

Maklumat Artikel

Diserah: 23 April 2025

Diterima: 11 Mei 2025

Diterbitkan: 10 Jun 2025

Kata Kunci

Fatwa, badan berautoriti, pandemik, Covid 19

Abstrak

Perubahan drastik dalam kehidupan masyarakat akibat pandemik COVID-19 telah mendorong kepada keperluan penetapan fatwa-fatwa baharu bagi menangani pelbagai isu agama yang timbul. Dalam konteks ini, institusi berautoriti seperti mufti memainkan peranan penting dalam menggubal fatwa berdasarkan nas-nas syarak dan keperluan semasa. Namun begitu, wujud segelintir individu atau kumpulan yang tidak berautoriti yang turut mengeluarkan pandangan agama secara bebas, lalu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pihak berautoriti dalam pengeluaran fatwa semasa pandemik, meneliti kesan fatwa daripada pihak tidak berautoriti, serta mengenal pasti sumber rujukan yang digunakan oleh pihak berautoriti dalam merumuskan fatwa. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menganalisis data yang diperolehi daripada sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel ilmiah dan bahan berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa institusi yang berautoriti dalam pengeluaran fatwa adalah para mufti negeri, yang menggubal fatwa berdasarkan al-Quran, hadis serta prinsip-prinsip fiqh kontemporari. Proses penggubalan fatwa ini melibatkan pindaan, penyesuaian serta pembatalan fatwa terdahulu mengikut keperluan semasa. Kajian turut mendapati bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh pihak tidak berautoriti memberi implikasi negatif, termasuk mencetuskan kekeliruan dan ketidaktentuan dalam kalangan masyarakat Islam.

Keywords

Fatwa, authoritative bodies,

Abstract

The drastic changes in societal life brought about by the COVID-19

pandemic, COVID-19

pandemic have necessitated the issuance of new fatwas to address various emerging religious issues. In this context, authoritative institutions such as muftis are crucial in formulating fatwas based on Islamic legal sources and contemporary needs. However, specific individuals or groups without authority have also issued religious opinions independently, resulting in confusion among the public. Therefore, this study was conducted to identify the authoritative bodies involved in issuing fatwas during the pandemic, examine the impact of fatwas issued by unauthoritative parties, and identify the sources of reference used by the authoritative bodies in formulating fatwas. This study employs a qualitative research design by analyzing data obtained from secondary sources such as books, scholarly articles, and related materials. The findings show that the authoritative institutions in fatwa issuance are the state muftis, who formulate fatwas based on the Qur'an, Hadith, and principles of contemporary fiqh. The fatwa formulation process involves amendments, adaptations, and the annulment of previous fatwas by current needs. The study also finds that fatwas issued by unauthoritative individuals have negative implications, including causing confusion and uncertainty within the Muslim community.

1. Pendahuluan

Fatwa merupakan salah satu instrumen penting dalam menjelaskan hukum-hukum Islam serta memberikan panduan kepada umat Islam dalam menangani isu-isu kontemporari. Di Malaysia, fatwa dikeluarkan oleh pihak berautoriti seperti Jabatan Mufti Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang berperanan memastikan segala ketetapan yang dibuat adalah selaras dengan prinsip syariah dan masalah ummah. Sebelum pandemik COVID-19, penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa ini secara umumnya tidak menghadapi banyak tentangan kerana wujudnya kejelasan dan keyakinan terhadap sumbernya (Rosidi, M. H., 2021).

Namun, penularan wabak COVID-19 telah mewujudkan landskap baharu dalam pelaksanaan ibadah serta pelbagai amalan keagamaan umat Islam (Ismail, F. B. H., Kirin, A., Masruri, M., & Marpuah, S., 2020). Pihak berautoriti terpaksa mengeluarkan pelbagai fatwa baharu bagi menyesuaikan ibadah dengan norma baharu (Ramle, M. Z., Ramli, M. A., & Razif, N. F. M., 2023), seperti fatwa mengenai penjarakan fizikal dalam solat berjemaah, pembatalan solat Jumaat, dan larangan berkumpul untuk majlis keagamaan. Meskipun fatwa-fatwa ini bertujuan melindungi nyawa dan memelihara kemaslahatan awam, ia turut mencetuskan kekeliruan dan kontroversi dalam kalangan sebahagian masyarakat.

Kekeliruan ini diperburuk dengan penyebaran pandangan dan fatwa daripada pihak yang tidak berautoriti melalui pelbagai medium, terutamanya media sosial. Kewujudan content creator yang menjadikan isu agama sebagai bahan kandungan, serta sikap masyarakat yang gemar berkongsi maklumat tanpa semakan (Arifin, S. Z., 2022), telah menyebabkan penyebaran fatwa tidak sahih semakin berleluasa. Faktor seperti kurangnya pengetahuan dalam literasi media, sikap tidak teliti dalam semakan maklumat, dan kepercayaan berlebihan terhadap sumber tidak rasmi telah menyumbang kepada penerimaan fatwa tidak berautoriti.

Kesan daripada keadaan ini bukan sahaja mencetuskan kekeliruan dalam kalangan umat Islam, malah mengakibatkan perpecahan pandangan terhadap kewibawaan institusi fatwa (Ansori, I., 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pihak berautoriti dalam mengeluarkan fatwa semasa pandemik, serta meneliti kesan terhadap kefahaman dan penerimaan masyarakat Islam di Malaysia.

2. Pernyataan Masalah

Kehidupan harian masyarakat di Malaysia telah berubah secara signifikan sejak penularan wabak COVID-19. Sebelum pandemik, umat Islam dapat menjalani ibadah seperti solat berjemaah, solat Jumaat, dan pelbagai aktiviti keagamaan tanpa kekangan prosedur operasi standard (SOP). Fatwa yang dikeluarkan ketika itu diterima secara terbuka kerana jelas, relevan, dan dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti. Meskipun terdapat pandangan daripada individu atau kumpulan tidak berautoriti, masyarakat umumnya masih meletakkan kepercayaan penuh kepada ketetapan rasmi, seperti dalam isu pengharaman rokok elektronik yang diputuskan oleh autoriti agama.

Namun, semasa pandemik COVID-19, landskap ini berubah. Pihak berautoriti terpaksa mengeluarkan fatwa-fatwa baharu berkaitan dengan adaptasi ibadah, seperti penjarakan fizikal dalam solat berjemaah (Kamaruddin, N. K., 2021), bagi mengekang penularan virus. Fatwa-fatwa ini, walaupun dikeluarkan berdasarkan prinsip maqasid syariah, menimbulkan keraguan dalam kalangan segelintir umat Islam. Sebahagiannya dipengaruhi

oleh pihak tidak berautoriti yang mengeluarkan pandangan bercanggah (Nasri, M. S., & Noor, R. M., 2024), malah ada yang melabelkan fatwa baharu sebagai bid'ah. Situasi ini menghakis keyakinan masyarakat terhadap fatwa rasmi dan mewujudkan dua kelompok: satu yang patuh kepada fatwa rasmi, dan satu lagi yang menentangnya.

Fenomena ini diperburuk oleh kecenderungan masyarakat berkongsi maklumat tanpa menyemak kesahihannya (Awang, A., & Bakar, R. A., 2024). Sikap ingin menjadi penyampai berita pertama menyebabkan ramai menyebarkan fatwa dari sumber tidak sah, tanpa menyedari kesannya terhadap akidah dan kefahaman agama masyarakat. Tambahan pula, kemunculan pempengaruh media sosial atau "content creator" yang menjadikan isu agama sebagai kandungan menarik, telah menyumbang kepada penyebaran fatwa palsu. Jika kandungan tersebut tidak disemak dengan teliti, ia boleh merosakkan kefahaman agama umat Islam yang bergantung pada media sosial sebagai sumber maklumat.

Faktor lain termasuklah kurangnya pengetahuan masyarakat, khususnya golongan berusia, dalam membezakan sumber sahih dan tidak sahih secara dalaman (Pambudi, R., Budiman, A., Rahayu, A. W., Sukanto, A. N. R., & Hendrayani, Y., 2023). Kekurangan literasi teknologi menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan maklumat palsu, termasuk fatwa yang tidak berautoriti. Sementara itu, sebahagian masyarakat juga tidak gemar melakukan semakan terhadap sesuatu fatwa yang diterima. Sikap ini membolehkan penyebaran fatwa palsu terus berlaku dengan pantas.

Selain faktor individu, medium penyebaran maklumat juga memainkan peranan penting. Walaupun pelbagai saluran rasmi wujud, seperti laman sesawang JAKIM dan aplikasi semakan seperti Sebenarnya.my, masih ramai yang tidak menggunakannya secara efektif (Awang, S. A., Basirb, S. A., & Mohamedc, H. A. B., 2019). Sebaliknya, mereka lebih cenderung mempercayai maklumat dari media sosial atau aplikasi pesanan ringkas tanpa pengesahan.

Oleh itu, penularan pandemik telah memperlihatkan cabaran besar dalam penyampaian dan penerimaan fatwa dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis peranan pihak berautoriti dalam pengeluaran fatwa semasa pandemik, serta menilai kesan penyebaran fatwa daripada pihak tidak berautoriti. Dapatan ini penting untuk memperkukuh kefahaman masyarakat tentang keabsahan sesuatu fatwa dan menggalakkan literasi maklumat agama yang lebih bertanggungjawab.

3. Akta Berkaitan Fatwa di Malaysia

Perundangan yang berkaitan fatwa di Malaysia boleh dirujuk melalui Akta 505, iaitu Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Dalam akta ini, Bahagian III memperincikan peruntukan mengenai pelantikan mufti, kuasa-kuasa dalam hal ehwal agama Islam, serta penubuhan jawatankuasa perundangan hukum syarak. Menurut Seksyen 32 dan 33 Akta 505, pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) selepas berunding dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan berdasarkan nasihat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam. Mufti yang dilantik bertanggungjawab membantu YDPA dalam segala perkara berkaitan dengan hukum syarak.

Seterusnya, Seksyen 34 hingga Seksyen 39 menjelaskan bahawa sebarang kenyataan atau pendapat berhubung hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti tidak boleh dianggap sebagai fatwa yang rasmi selagi ia belum disiarkan dalam Warta Kerajaan. Ini bermaksud, hanya fatwa yang telah menjalani prosedur tertentu dan diterbitkan secara rasmi sahaja yang mempunyai kesan mengikat kepada masyarakat Islam.

Apabila sesuatu pandangan mufti telah disahkan dan disiarkan secara rasmi dalam Warta, ia menjadi fatwa yang sah dan berkuatkuasa (Saifuddin, S., Salleh, M. K. M., Tajuddin, H. H. A., & Yahya, M. A., 2024), serta wajib dipatuhi oleh semua umat Islam yang bermastautin di Wilayah Persekutuan. Namun, pengecualian dibenarkan sekiranya seseorang itu mempunyai sebab-sebab yang sah dari segi hukum syarak, seperti dalam hal-hal yang melibatkan amalan individu, kepercayaan peribadi atau perbezaan pandangan yang dibenarkan dalam mazhab.

Dalam konteks autoriti fatwa, mufti mempunyai kuasa untuk membuat pindaan, menyesuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang pernah dikeluarkan sebelumnya (Zawawi, A. M., 2019). Namun demikian, semua fatwa yang dikeluarkan mestilah berdasarkan kepada nas-nas syarak yang sahih, dan lazimnya berpandukan kepada *qawl muktamad* Mazhab Syafi'i, selaras dengan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk mufti merujuk pandangan mazhab lain atau menggunakan pendekatan ijtihad sendiri, sekiranya perlu, khususnya dalam isu-isu semasa yang menuntut penyelesaian segera. Ini penting agar fatwa yang dikeluarkan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama, dan pada masa yang sama tidak menjejaskan kepentingan awam (*masalah 'ammah*).

4. Pihak Yang Berautoriti Mengeluarkan Fatwa Semasa Pandemik

Di Malaysia, pengeluaran hukum atau fatwa merupakan suatu bidang kuasa yang tertakluk kepada pentadbiran agama Islam di peringkat negeri. Setiap negeri mempunyai kuasa autonomi dalam hal ehwal pengurusan fatwa (Mamat, Z., & Razali, R. M., 2020), yang dilaksanakan oleh sebuah badan berautoriti dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri. Jawatankuasa ini berperanan sebagai entiti rasmi yang mewakili pandangan

kerajaan negeri dalam menangani isu-isu berkaitan hukum syarak, dan ia ditubuhkan secara sah melalui peruntukan dalam akta, enakmen atau ordinan yang mengawal selia undang-undang Islam di negeri masing-masing.

Antara fungsi utama Jawatankuasa Fatwa ialah memberi penjelasan terhadap sebarang persoalan hukum syarak (Ansori, I., 2017) yang dikemukakan kepadanya serta menyelesaikan pertikaian yang timbul dalam pentafsiran hukum tersebut. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab membincangkan dan mempertimbangkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, khususnya yang melibatkan isu-isu bersifat nasional dan berkepentingan umum.

Dalam aspek metodologi pengeluaran fatwa, kebanyakan negeri di Malaysia menjadikan pandangan atau qawl muktamad daripada mazhab al-Syāfi'i sebagai rujukan utama. Qawl muktamad ini merupakan pendapat yang diterima secara rasmi dalam mazhab tersebut dan perlu dipatuhi dalam proses penetapan hukum. Walau bagaimanapun, sekiranya pandangan tersebut dilihat tidak sesuai dengan keperluan atau kepentingan awam semasa (masalah), maka pandangan dari mazhab lain seperti Mālikī, Ḥanafī dan Ḥanbalī boleh dirujuk sebagai alternatif.

Jika kesemua pandangan daripada keempat-empat mazhab muktabar tersebut masih tidak dapat memenuhi kehendak konteks semasa atau bertentangan dengan masalah awam, maka Jawatankuasa Fatwa berhak untuk menggunakan ijtihad mereka sendiri dalam merumuskan sesuatu hukum atau fatwa. Dalam usaha memastikan ketelusan dan keseragaman dalam proses pengeluaran fatwa, satu garis panduan rasmi telah diwujudkan. Garis panduan ini memperincikan prosedur dan tatacara pengeluaran fatwa, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam akta, enakmen dan ordinan berkaitan di setiap negeri.

Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak besar terhadap semua aspek kehidupan, termasuk dalam hal ehwal agama Islam. Dalam menghadapi krisis ini, setiap keputusan perlu dibuat dengan berhati-hati dan berdasarkan pertimbangan situasi semasa bagi mengelakkan risiko penularan virus yang telah meragut banyak nyawa di Malaysia. Dalam konteks pengeluaran fatwa, keputusan-keputusan yang diambil semasa pandemik tidak terlepas daripada mencetuskan polemik dan kontroversi dalam kalangan masyarakat (Salleh, M. K. M., Bahori, A., Manaf, M. F. A., Zhaffar, N. M., & Suhaimie, S., 2021). Ini disebabkan oleh pelbagai kekangan yang dihadapi oleh umat Islam dalam melaksanakan tanggungjawab agama mereka.

Antara isu yang timbul ialah penangguhan aktiviti keagamaan di masjid dan surau seperti solat berjemaah, solat Jumaat, dan solat hari raya (Bhari, A., & Mahaiyadin, M. H., 2021). Dalam usaha mengurangkan risiko jangkitan, umat Islam turut disarankan untuk menjarakkan saf semasa solat berjemaah, yang secara tidak langsung telah mengubah tertib ibadah yang biasa diamalkan. Walaupun langkah ini diambil bagi mengelakkan kemudarat, ia tetap menimbulkan perdebatan. Pertikaian dan perbezaan pandangan dalam kalangan umat Islam semakin ketara apabila disebarkan secara meluas di pelbagai platform media sosial.

Sehubungan itu, pengeluaran fatwa secara rasmi amat diperlukan bagi memberi panduan dan penyelesaian kepada masyarakat Islam dalam menunaikan ibadah mereka dengan sempurna sepanjang tempoh pandemik. Pengeluaran fatwa merupakan suatu proses yang kompleks dan memerlukan pertimbangan yang mendalam oleh pihak yang berautoriti. Justeru, tanggungjawab ini digalas oleh institusi-institusi yang sah di sisi undang-undang dan mempunyai kepakaran dalam bidang syariah.

Antara institusi yang diberi autoriti untuk mengeluarkan fatwa di Malaysia ialah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Majlis Kebangsaan memainkan peranan penting dalam sistem pemerintahan Islam beraja dan sering menjadi rujukan dalam kes-kes berkaitan agama Islam, termasuk dalam perbicaraan di mahkamah. Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan adalah bersifat nasional dan melibatkan seluruh rakyat Malaysia, manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri hanya berkuasa mengeluarkan fatwa untuk negeri masing-masing di bawah pimpinan Mufti Negeri.

Mengikut Perkara 14, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, tugas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah untuk menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa berhubung apa-apa perkara berkaitan agama Islam yang dirujuk oleh Majlis Raja-Raja. Pandangan dan syor Jawatankuasa tersebut akan dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan, yang kemudiannya akan disalurkan bersama cadangan kepada Majlis Raja-Raja.

Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik daripada kalangan ahli Majlis Kebangsaan, Mufti dari setiap negeri atau wakil yang mewakili negeri dalam hal ehwal Islam, sembilan orang ulama dan profesional Islam yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja, serta seorang ahli beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau profesion undang-undang yang turut dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Sementara itu, keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri ditentukan melalui peruntukan Seksyen 46, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Mufti, dibantu oleh Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri yang mahir dalam hukum syarak, antara dua hingga tujuh orang ahli yang layak dan sesuai yang turut dilantik oleh Majlis, serta seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa.

4.1 Pengurusan dan Pentadbiran Fatwa dari Perspektif Undang-undang di Malaysia

Dari sudut perundangan, pengurusan dan pentadbiran fatwa di Malaysia tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri. Sehingga kini, hanya Negeri Kedah dan Sabah mempunyai enakmen khusus berkaitan fatwa, iaitu Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 dan Enakmen Fatwa Negeri Sabah 2004. Bagi negeri-negeri lain, peruntukan berkaitan fatwa dimuatkan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam masing-masing.

Peruntukan berkaitan fatwa juga ditemui dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Jenayah Syariah negeri-negeri. Ini termasuk peruntukan terhadap kesalahan menyebarkan pandangan atau ajaran Islam yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuat kuasa, serta kesalahan mengeluarkan fatwa secara tidak sah, yang menjadi bidang kuasa mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Tambahan pula, undang-undang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama yang diiktiraf seperti Sultan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), mufti serta Jabatan Mufti Negeri.

Masyarakat awam wajar memahami bahawa setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) atau Jawatankuasa Fatwa Negeri telah melalui suatu proses penyelidikan dan perbincangan yang rapi serta menyeluruh. Proses ini bermula dengan kajian dan penyelidikan mendalam oleh pasukan penyelidikan, dan diikuti oleh perbincangan dalam mesyuarat jawatankuasa. Mufti sebagai pengerusi tidak membuat keputusan secara peribadi, sebaliknya mempertimbangkan pandangan dan hujah yang dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat.

Setelah keputusan dicapai, urus setia jawatankuasa akan menggubal teks atau sifah fatwa untuk disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. Fatwa tersebut kemudiannya perlu mendapat kelulusan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan diperkenankan oleh Sultan atau Raja Negeri sebelum diwartakan secara rasmi. Hanya setelah diwartakan, fatwa tersebut memperoleh kuasa mengikat terhadap umat Islam di negeri terbabit dan mempunyai implikasi perundangan.

Setiap Jabatan Mufti Negeri mempunyai garis panduan dan prosedur tersendiri dalam pengeluaran fatwa (Adnan, M. K. A., Mokhtar, A. I., & Samuri, M. A. A., 2023). Di peringkat kebangsaan, garis panduan penyediaan fatwa dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Urus Setia Jawatankuasa Muzakarah. Garis panduan ini turut disemak oleh Institusi Fatwa Negara Mesir (Dar al-Ifta' al-Misriyyah) dan diperakui oleh Muzakarah MKI. Walaupun tidak mengambil alih kuasa negeri, garis panduan ini penting sebagai alat penyelarasan dalam memastikan kaedah pengeluaran fatwa di seluruh negara seragam dan berwibawa.

4.2 Keseragaman Fatwa Semasa Krisis COVID-19

Pandemik COVID-19 menjadi titik tolak penting dalam sejarah fatwa di Malaysia, khususnya dari sudut penyelarasan dan pelaksanaan fatwa antara negeri-negeri. Dalam konteks ini, Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI yang diurusetiaikan oleh JAKIM memainkan peranan penting dalam membincangkan dan memutuskan isu-isu hukum berkaitan ibadah semasa pandemic (Musa, L., & Man, S. A., 2022), termasuk penangguhan solat berjemaah, solat Jumaat dan aktiviti masjid, pengurusan jenazah COVID-19 secara tayamum serta kaedah pembayaran zakat fitrah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menariknya, segala keputusan fatwa yang dipersetujui dalam muzakarah tersebut telah diterima dan dilaksanakan di peringkat negeri dalam kadar segera. Perkara ini memperlihatkan tahap keselarasan yang tinggi antara peringkat kebangsaan dan negeri, sekali gus membuktikan keupayaan sistem fatwa di Malaysia untuk bertindak secara kolektif dan responsif terhadap situasi semasa berdasarkan saluran perundangan yang sah (Azmi, M. A., & Jusoh, A. F., 2024).

Walaupun keputusan awal fatwa berkaitan penangguhan ibadah di masjid dan surau menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat – termasuk polemik serta pro dan kontra – namun, atas dasar kepentingan awam dan mematuhi nasihat pakar kesihatan serta panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN), semua negeri akhirnya akur dengan ketetapan yang telah dibuat.

Menurut Salleh (2021), beberapa keputusan hukum berjaya diseragamkan dengan berkesan semasa krisis COVID-19, antaranya melibatkan isu-isu utama seperti solat berjemaah, pengurusan jenazah, dan zakat fitrah. Ini menggambarkan keberkesanan mekanisme fatwa negara dalam menangani isu-isu luar biasa berdasarkan pendekatan yang inklusif dan dinamik.

4.3 Fatwa: Kuasa Mengikat dan Potensi Semakan

Fatwa yang telah diwartakan mempunyai kuasa mengikat terhadap umat Islam di negeri berkenaan, dan tindakan yang bertentangan dengan fatwa boleh dikenakan hukuman berdasarkan peruntukan undang-undang (Dimon, Z., 2020). Namun demikian, perlu difahami bahawa fatwa tidak bersifat mutlak dan tertutup daripada semakan. Seksyen 36 (Pindaan) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa mufti berkuasa untuk meminda, mengubah suai atau membatalkan fatwa yang telah dikeluarkan sama ada olehnya atau oleh mufti terdahulu.

Peruntukan serupa juga terdapat dalam akta dan enakmen negeri serta dalam Enakmen Fatwa Kedah dan Sabah. Walau bagaimanapun, negeri Kelantan masih belum mempunyai peruntukan khas dalam hal ini. Oleh itu, meskipun fatwa mempunyai autoriti undang-undang, ia tetap terbuka untuk semakan berdasarkan dapatan baharu atau perubahan situasi semasa.

Dalam konteks ini, perbezaan pandangan terhadap sesuatu fatwa hendaklah ditangani melalui saluran yang sesuai seperti meja rundingan atau perbincangan ilmiah. Penggunaan platform media sosial atau pentas ceramah secara terbuka tanpa kawalan bukanlah pendekatan yang bijaksana. Sebaliknya, perbezaan pandangan perlu diraikan dalam ruang yang sihat dan konstruktif demi menjaga maruah institusi fatwa serta keharmonian umat Islam.

Keputusan Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI berkaitan dengan pelaksanaan ibadah orang-orang Islam impak COVID-19:

Bil	Keputusan Muzakarah	Tarikh Muzakarah	Pelaksanaan Fatwa Negeri-negeri
1.	Penangguhan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat.	15 Mac 2020	Difatwakan di semua negeri
2.	Tatacara Pengurusan Jenazah orang islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti virus COVID-19 (Corona Virus) di Malaysia.	15 Mac 2020	Difatwakan di semua negeri
3.	Kaedah melihat anak bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP- COVID19).	9 April 2020	Difatwakan di semua negeri
4.	Penyelarasan kaedah pembayaran zakat fitrah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP- COVID19).	9 April 2020	Difatwakan di semua negeri
5.	Kaedah solat Jumaat dan ibadah bulan Ramadan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP-COVID19).	9 April 2020	Difatwakan di semua negeri
6.	Panduan hukum ujian saringan dan prosedur rawatan pesakit COVID-19 pada bulan Ramadan.	21 April 2020	Difatwakan di semua negeri
7.	Hukum puasa kerana menjalani ujian saringan perubatan COVID-19.	21 April 2020	Difatwakan di semua negeri
7.	Kedudukan saf solat jemaah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.	21 April 2020	Difatwakan di semua negeri
8.	Garis panduan sambutan hari raya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.	21 April 2020	Difatwakan di semua negeri
9.	Garis panduan solat fardhu dan sunat secara berjemaah dalam tempoh pasca-PKP COVID-19	30 April 2020	Difatwakan di semua negeri
10.	Garis panduan solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) COVID-19.	8 Mei 2020	Difatwakan di semua negeri
11.	Cadangan aktiviti di masjid dan surau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19.	9 Jun 2020	Difatwakan di semua negeri
12.	Garis panduan pelaksanaan ibadah korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).	9 Jun 2020	Difatwakan di semua negeri
13.	Pelaksanaan haji bagi musim haji 1441 Hijrah (2020) berikutan penularan COVID-19.	9 Jun 2020	Difatwakan di semua negeri
14.	Pelaksanaan solat Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19.	24 Jun 2020	Difatwakan di semua negeri

(Sumber: Keputusan Muzakarah Khas berkaitan dengan pelaksanaan ibadah orang-orang Islam Impak COVID-19)

Justeru, bidangkuasa fatwa telah diperuntukkan kepada jawatankuasa fatwa negeri sebagaimana dinyatakan dalam Enakmen. Misalnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan secara khusus mengenai mekanisme rujukan isu-isu berkepentingan nasional kepada peringkat persekutuan. Seksyen 51 enakmen tersebut menetapkan bahawa sebarang perkara yang menyentuh kepentingan nasional hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk dipertimbangkan. Seterusnya, Majlis hendaklah mengemukakan syor berkenaan kepada Duli Yang Maha Mulia

Sultan Selangor bagi mendapatkan perkenan agar isu tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui saluran Majlis Raja-Raja.

Peruntukan yang bersifat penyelarasan ini adalah unik dan tidak wujud dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi beberapa negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pahang. Oleh yang demikian, negeri-negeri tersebut tidak tertakluk kepada kewajipan menerima fatwa daripada peringkat kebangsaan melalui mekanisme ini, sekaligus mencerminkan adanya perbezaan struktur pentadbiran fatwa antara negeri di Malaysia.

4.4 Kesan Fatwa Tidak Berautoriti Semasa Pandemik

Berdasarkan dapatan kajian oleh Muhammad Ikhlās Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail, dan Mohd Anuar Ramli (2013), salah satu bentuk konflik utama dalam pengurusan fatwa di Malaysia ialah konflik antara individu yang tidak berautoriti dan institusi fatwa yang sah. Individu-individu ini terdiri daripada pihak yang tidak diberikan kuasa secara rasmi untuk mengeluarkan fatwa, namun mereka sering kali mencampuri urusan kefatwaan yang sepatutnya menjadi bidang kuasa institusi yang dilantik oleh kerajaan. Tindakan sebegini telah menimbulkan pelbagai implikasi negatif terhadap kefahaman masyarakat Islam berhubung isu-isu hukum semasa.

Menurut Rahman (2018), pihak yang tidak berautoriti ini cenderung menyebarkan pandangan dan pendapat mereka melalui pelbagai medium termasuk media sosial, blog, dan platform komunikasi massa yang lain. Penyebaran pandangan tidak rasmi ini telah mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, terutama apabila ia dilihat bercanggah dengan keputusan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh institusi fatwa negeri atau kebangsaan. Tambahan pula, kajian oleh Rosidi (2021) menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil institusi fatwa di Malaysia yang memanfaatkan media sosial secara aktif sebagai saluran penyebaran fatwa. Kelemahan dalam penggunaan media ini telah membuka ruang kepada penyebaran pandangan tidak berautoriti yang lebih mudah diterima oleh masyarakat awam.

Kesan utama daripada penyebaran pandangan oleh pihak tidak berautoriti ini ialah tercetusnya konflik dan permasalahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Kekeliruan terhadap kedudukan sebenar hukum sesuatu isu boleh mengakis keyakinan masyarakat terhadap institusi fatwa yang sah. Rosele (2013) menyatakan bahawa kewujudan pandangan yang bersifat tidak rasmi dan bersaing ini berpotensi memberi tanggapan bahawa institusi fatwa adalah lemah dan tidak berupaya menangani isu-isu semasa dengan efektif. Sebagai contoh, masih terdapat institusi fatwa yang bergantung sepenuhnya kepada pewartaan dalam Warta Kerajaan sebagai medium utama penyebaran fatwa (Rosidi, 2021). Dalam era digital masa kini, pendekatan ini dianggap kurang relevan dan tidak efektif untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Lebih membimbangkan, penyebaran fatwa tidak berautoriti ini boleh membawa kepada penyimpangan akidah umat Islam. Fatwa dikeluarkan bukan sahaja untuk menyelesaikan permasalahan semasa, tetapi juga untuk memelihara kesucian akidah dan syariat Islam. Sekiranya pandangan yang bertentangan dengan prinsip syariah diterima oleh masyarakat sebagai panduan hidup, maka ia boleh menjejaskan kefahaman dan amalan agama secara keseluruhan (Rosidi, 2021). Justeru, pihak yang tidak mempunyai autoriti dalam hal ehwal kefatwaan perlu menghentikan penyebaran pandangan yang boleh mencetuskan kekeliruan, agar usaha institusi berautoriti dalam menyampaikan pandangan yang sah dan selari dengan syariat Islam dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Situasi menjadi lebih mencabar ketika negara dilanda wabak COVID-19. Institusi fatwa berautoriti di Malaysia berdepan dengan tekanan untuk merumuskan fatwa-fatwa baharu berkenaan isu-isu ibadat, kesihatan dan keselamatan awam dalam tempoh yang singkat. Dalam pada itu, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan maklumat palsu berkaitan fatwa-fatwa ini, sekali gus mengganggu penerimaan masyarakat terhadap keputusan rasmi institusi fatwa. Sebagai contoh, meskipun fatwa rasmi menetapkan bahawa penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan tidak bercanggah dengan syariat Islam (Joferi, 2021), terdapat kelompok masyarakat yang menentanginya dengan mendakwa bahawa vaksin tersebut haram. Lebih membimbangkan, kelompok ini turut menyebarkan pandangan mereka secara meluas di media sosial, yang akhirnya mempercepatkan penyebaran maklumat salah dan memesongkan pemikiran masyarakat umum.

Justeru konflik antara individu tidak berautoriti dan institusi fatwa memberi cabaran besar dalam usaha mengekalkan integriti dan keberkesanan sistem pengeluaran fatwa di Malaysia. Oleh itu, amat penting bagi masyarakat awam untuk memahami dan mematuhi mekanisme pengeluaran fatwa yang sah serta menilai sumber hukum yang diterima dengan penuh cermat. Dalam masa yang sama, institusi fatwa juga perlu beradaptasi dengan perkembangan teknologi komunikasi masa kini agar mesej dan panduan hukum yang sahih dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada umat Islam.

Beberapa golongan yang tidak berautoriti dalam isu fatwa telah memberikan pendapat yang bertentangan dengan keputusan rasmi badan-badan berwajib, yang mana menyebabkan pelbagai kesan negatif terhadap masyarakat di Malaysia. Salah satu kesan yang paling ketara adalah penularan wabak COVID-19 yang semakin meluas. Terdapat golongan tertentu yang menolak penjarakan fizikal antara jemaah masjid semasa solat

berjemaah, dengan alasan bahawa ketakutan terhadap COVID-19 dianggap berlebihan dan tidak sewajarnya mendahului rasa takut kepada Allah SWT. Golongan ini berpendapat bahawa umat Islam seharusnya terus mengerjakan solat berjemaah di masjid atau surau seperti biasa, tanpa menghiraukan saranan penjarakan fizikal yang ditetapkan oleh pihak berautoriti (Arifin, 2020). Sikap ini mencetuskan risiko penyebaran virus yang lebih luas, sekaligus memburukkan lagi situasi kesihatan awam yang sudah pun terkesan akibat pandemik.

Selain itu, golongan anti-vaksin juga turut menyumbang kepada kesan buruk dalam masyarakat. Terdapat segelintir individu yang menyebarkan pendapat tidak berautoriti, menganggap bahawa vaksin yang digunakan dalam program imunisasi mempunyai kandungan yang tidak halal atau mampu menyebabkan kematian. Pendapat-pendapat ini tidak hanya menimbulkan keraguan terhadap keselamatan vaksin, tetapi juga mempengaruhi keputusan individu untuk menolak pengambilan vaksin. Mereka yang mempercayai pandangan ini kemudian memperluaskan penyebaran maklumat palsu melalui pelbagai saluran, termasuk media sosial, yang akhirnya memperburuk lagi situasi ketidaktentuan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat. Golongan ini menggalakkan penolakan terhadap vaksin, yang sepatutnya menjadi langkah penting dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Seterusnya, penyebaran pendapat tidak berautoriti ini membawa kepada berlakunya konflik dan kekeliruan yang lebih besar dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Salah satu isu yang mencetuskan kekeliruan adalah berkaitan dengan hukum penggunaan rokok elektronik. Dalam satu kajian oleh Yong (2009), didapati bahawa sebanyak 76% daripada 1482 responden umat Islam di Malaysia berpendapat bahawa rokok elektronik tidak haram. Keputusan yang berbeza-beza mengenai status hukum ini menyebabkan perpecahan dalam pemahaman agama di kalangan masyarakat, menambah kerumitan dalam pengambilan keputusan berkaitan isu kesihatan dan keagamaan.

Kesimpulannya, penyebaran pendapat daripada golongan yang tidak berautoriti boleh menimbulkan kesan yang buruk, bukan hanya dalam konteks kesihatan awam, tetapi juga dalam aspek pemahaman dan amalan agama. Oleh itu, penting bagi masyarakat untuk sentiasa merujuk kepada badan-badan fatwa yang sah dan berautoriti dalam mengeluarkan keputusan berkaitan hukum Islam, agar kekeliruan dapat dikurangkan dan umat Islam di Malaysia dapat terus berpegang teguh kepada ajaran yang benar.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan membincangkan secara mendalam isu berkaitan autoriti fatwa yang timbul semasa pandemik COVID-19, yang telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Isu ini semakin kompleks kerana terdapat banyak perkara yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran mahupun hadis, menyebabkan masyarakat merasa was-was dalam menentukan hukum sesuatu perkara. Antara isu utama yang timbul semasa pandemik termasuklah hukum solat berjemaah di surau atau masjid, pernikahan, jual beli, pengurusan jenazah, dan lain-lain. Melalui kajian ini, kami mendapati bahawa kekeliruan ini dapat diselesaikan dengan merujuk kepada pihak yang berautoriti dalam mengeluarkan fatwa, seperti mufti yang menggunakan kaedah ijtihad atau rujukan kepada qawl muktamad dalam mazhab-mazhab yang diiktiraf.

Kajian ini juga mendapati bahawa pengeluaran fatwa bukanlah suatu proses yang mudah, dan hanya individu yang berkeelayakan serta berautoriti sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan fatwa, iaitu mufti. Mufti berperanan memberikan pandangan mereka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan hukum syarak berdasarkan al-Quran dan hadis, dan fatwa yang dikeluarkan mestilah sejajar dengan ajaran Islam. Selain itu, mufti juga berhak untuk meminda, mengubah suai, atau membatalkan fatwa yang telah dikeluarkan jika ia tidak lagi relevan atau perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa. Fatwa yang dikeluarkan haruslah relevan dengan keadaan semasa dan tidak menimbulkan perbalahan atau kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Salah satu kesan yang signifikan dalam konteks pandemik ini adalah penyebaran fatwa daripada pihak yang tidak berautoriti, terutamanya dalam isu vaksin. Golongan anti-vaksin, yang menuduh vaksin sebagai haram, telah menyebarkan pendapat mereka tanpa merujuk kepada nas-nas yang sahih, mengakibatkan kekeliruan di kalangan umat Islam. Vaksin sebenarnya merupakan usaha penting dalam mencegah dan merawat wabak COVID-19, dan fatwa dari pihak yang tidak berautoriti ini boleh menghalang masyarakat daripada mengambil langkah yang sepatutnya untuk melindungi kesihatan mereka. Ini menunjukkan bahawa pengeluaran fatwa tanpa merujuk kepada sumber yang sahih dan berautoriti boleh menambah kekeliruan dalam masyarakat.

Sebagai kesimpulan, umat Islam di Malaysia perlu menghormati fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti, kerana fatwa-fatwa tersebut dikeluarkan berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam agama Islam melalui al-Quran dan sunnah. Fatwa bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kepentingan umat Islam, tetapi juga untuk melindungi kesihatan, menghindari pembaziran, dan mencegah perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Fatwa yang dikeluarkan oleh golongan yang berautoriti dalam agama ini mempunyai tanggungjawab besar untuk menyampaikan ajaran yang benar dan jelas. Oleh itu, umat Islam seharusnya menerima fatwa ini dengan penuh penghormatan dan tidak mempertikaikannya secara terbuka, walaupun ruang perbincangan yang sihat masih perlu wujud untuk menyelesaikan perbezaan pandangan.

Sebarang perbezaan pandangan boleh diselesaikan melalui meja rundingan dan perbincangan yang bijaksana, bukannya melalui media sosial atau ceramah terbuka yang boleh mengundang perpecahan. Fatwa ini berfungsi untuk menghilangkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam, dan kepercayaan terhadap fatwa perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar tidak berlaku kekeliruan dan agar agama Islam serta umatnya dapat dijaga dengan baik.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih atas segala sumbangan dan jasa kepada Universiti Sains Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sehingga dimungkinkan penulisan artikel ini dapat dihasilkan.

Konflik Kepentingan

Tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Faisal Bin Husen Ismail, Mohammad Amir Bin Wan Harun; **pengumpulan data:** Faisal Bin Husen Ismail; **analisis dan interpretasi hasil:** Faisal Bin Husen Ismail, Sharifah Khadijah Binti Syed Abu Bakar, Roshimah Binti Shamsudin; **penyediaan draf manuskrip:** Roshimah Binti Shamsudin, Sharifah Khadijah Binti Syed Abu Bakar. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

Rujukan

505, a. (1993, oktober 15). Undang-undang Malaysia. Retrieved from Akta Pentadbiran Undang- undang islam: http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/938ea6c8aaeafd78482571fe0011dedd?OpenDocument

Adnan, M. K. A., Mokhtar, A. I., & Samuri, M. A. A. (2023). Implementasi kaedah fiqh berelemenkan darurat dalam perubatan: Analisis fatwa terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor. *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), 20(1), 216-240.

Ansori, I. (2017). Kedudukan Fatwa di Beberapa Negara Muslim (Malaysia, Brunei Darussalam dan Mesir). *Analisis: Jurnal Studi Keislaman*, 17(1), 137-166.

Ansori, I. (2017). Kedudukan Fatwa di Beberapa Negara Muslim (Malaysia, Brunei Darussalam dan Mesir). *Analisis: Jurnal Studi Keislaman*, 17(1), 137-166.

Arifin, L. (2020, November 29). Elak label pandemik, sunnah WHO. Retrieved from BH, New Straits Times Press (M) Bhd: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/11/759551/elak-label-plandemik-sunah-who>

Arifin, S. Z. (2022). Pesan dakwah berbasis digital dalam video Youtube Gita Savitri Devi: Analisis wacana terhadap video segmen PagiPagi with Paul & Gita (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).

Awang, A., & Bakar, R. A. (2024). Menilai Pengetahuan, Persepsi, Dan Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Media Komunikasi Alternatif. *Jurnal'Ulwan*, 9(2), 151-169.

Awanga, S. A., Basirb, S. A., & Mohamedc, H. A. B. (2019). Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan (PMI) di institusi Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI): Kajian Kes di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Azmi, M. A., & Jusoh, A. F. (2024). Integrasi Ijtihād Jamā'ī (Kolektif) dalam Institusi-institusi Fatwa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 9(2), 52-63.

Bhari, A., & Mahaiyadin, M. H. (2021). Analisis Keputusan Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Berkaitan Covid-19 di Malaysia. *Jurnal'Ulwan*, 6(3), 25-36.

- Dimon, Z. (2020). PENGUATKUASAAN KESALAHAN BERHUBUNG FATWA DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: Legal Enforcement of Offences Relating to Fatwa in Syariah Criminal Law in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 116-129.
- Ismail, F. B. H., Kirin, A., Masruri, M., & Marpuah, S. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic to Worship. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11), 244-258.
- JOFERI, A. A. (2021, JULY 7). VAKSIN COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.
- Kamaruddin, N. K. (2021). Amalan Penjarakan Fizikal Dalam Solat Berjemaah Di Masjid Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 198-210.
- Mamat, Z., & Razali, R. M. (2020). Pengurusan perkahwinan masyarakat Rohingya di Malaysia menurut perspektif undang-undang dan Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 243-274.
- MKI, M. J. (2017, NOVEMBER 9-10). GARISP PANDUAN PENGELUARAN FATWA DI MALAYSIA. PUTRA SUNWAY, KUALA LUMPUR: MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI. Retrieved from http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/garis_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf
- Musa, L., & Man, S. A. (2022). Implikasi Wabak COVID-19 Terhadap Istita'ah Kesihatan untuk Menunaikan Ibadah Haji: The Implications of the COVID-19 Outbreak on Health's Ability for Performing Hajj. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 151-170.
- Nasri, M. S., & Noor, R. M. (2024). Kedudukan Keterangan Pendapat Mufti Menurut Undang-Undang Keterangan Di Malaysia: Adakah Sebagai Pakar? Position of Mufti's Opinion Evidence Under Law of Evidence: Is It An Expert? *Journal of Shariah Law Research*, 9(2), 185-206.
- Pambudi, R., Budiman, A., Rahayu, A. W., Sukanto, A. N. R., & Hendrayani, Y. (2023). Dampak Etika Siber Jejaring Sosial Pada Pembentukan Karakter Pada Generasi Z. *Jurnal Syntax Imperatif: Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan*, 4(3), 289-300.
- Rahman, M. N. (2018). "Antara Fatwa Dan Petua Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Penilaian." e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor., 263-271.
- Ramle, M. Z., Ramli, M. A., & Razif, N. F. M. (2023). Analisis Perubahan Hukum Dari Fasa Pandemik Kepada Fasa Endemik COVID-19 Di Malaysia [Analysis Of Hukm Changes From The Pandemic Phase To The Endemic Phase Of Covid-19 In Malaysia]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 51-74.
- Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/163-perkhidmatan/penerbitan/e-brosur/4859-vaksin-covid-19-menurut-perspektif-islam>
- Rosele, M. I. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, 31-56.
- Rosidi, M. H. (2021). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62.
- Rosidi, M. H. (2021). Penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat muslim Malaysia: satu tinjauan literatur: acceptance of fatwa among Malaysian muslim society: a literature review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62.
- Saifuddin, S., Salleh, M. K. M., Tajuddin, H. H. A., & Yahya, M. A. (2024). Kepentingan Pewartaan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis: Importance Of Gazetteement Of Fatwa In The Enforcement Of Syariah Criminal Law In Malaysia: An Analysis. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 20-31.
- Salleh, M. K. M., Bahori, A., Manaf, M. F. A., Zhaffar, N. M., & Suhaimee, S. (2021). Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Penyeragaman dan Penyelarasan Fatwa di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(2), 269-286.

Yong, H. H. (2009). Adult smokers' perception of the role of religion and religious leadership on smoking and association with quitting: A comparison between Thai Buddhists and Malaysian Muslims. *Social Science & Medicine Journal*, 1025-1031.

Zawawi, A. M. (2019). *Aplikasi Ijtihad Kontemporari Dalam Fatwa Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Selangor Dari Tahun 2009-2013* (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).